

30 JUL 2002

Ghana-Sambutan (Bergambar)/I

SAMBUTAN PERMAIDANI MERAH BAGI PRESIDEN GHANA

KUALA LUMPUR, 30 Julai (Bernama) -- Presiden Ghana, John Agyekum Kufuor diberi sambutan penuh istiadat di sini, hari ini, sebelum memulakan lawatan negara empat hari ke Malaysia.

Turut hadir di majlis itu yang berlangsung di Dataran Parlimen ialah Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail, Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Kufuor, yang diiringi oleh isterinya Theresa tiba di Malaysia semalam.

Istiadat sambutan bermula dengan pasukan pancaragam memainkan lagu kebangsaan Malaysia dan Ghana dan selepas itu Presiden Ghana memeriksa barisan kehormat yang terdiri daripada empat pegawai dan 103 anggota Batalion Pertama Rejimen Melayu Diraja dengan 21-das tembakan dilepaskan.

Anggota-anggota Kabinet dan para diplomat asing diperkenalkan kepada Kufuor dan isteri.

Aturcara selepas itu ialah pertemuan antara Kufuor dan Dr Mahathir di pejabat Perdana Menteri di Putrajaya.

Presiden itu petang ini akan mengadap Tuanku Syed Sirajuddin dan Tuanku Fauziah di Istana Negara dan akan menghadiri majlis makan malam negara.

Kufuor juga dijangka menyertai Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) selepas menamatkan lawatannya.

Ghana, sebuah negara Afrika Barat merupakan bekas tanah jajahan British dikenali sebagai Gold Coast hingga 1957.

Ibu negaranya ialah, Accra, yang merupakan bandaraya terbesar di negara itu.

Ghana mempunyai kawasan seluas 238,500 km persegi dan penduduk seramai 20 juta orang.

Ia sebuah negara yang kaya dengan sumber asli seperti emas, intan dan balak dan juga produk-produk pertanian.

-- BERNAMA

MAM ZS PR